



---

**LAPORAN KUNJUNGAN WAKIL PSDC  
KE POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

Disediakan oleh : Dr. Nor Hatizal Binti Amarul Shah

Politeknik Seberang Perai telah menerima kunjungan daripada Encik Muhamed Ali Hajah Mydin, Ketua Eksekutif Penang Skills Development Center (PSDC) pada 09 Disember 2020. Perbincangan dimulai dengan penerangan mengenai latar belakang organisasi PSDC dan tujuan penubuhannya iaitu untuk memenuhi permintaan pasaran kerja industri dalam jangka masa pendek. PSDC merupakan organisasi yang tidak berasaskan keuntungan dan beroperasi di cawangan Bayan Lepas di Pulau Pinang. PSDC mempunyai ahli yang terdiri daripada 230 industri yang terletak di sekitar premis PSDC. Perbincangan diteruskan dengan memperkenalkan 14 modul-modul baru yang ditawarkan oleh PSDC untuk jangka pendek iaitu jangkamasa sekitar satu sehingga 3 bulan latihan. Modul-modul yang diperkenalkan adalah *Machine Vision with Artificial Intelligence, Data Science For Manufacturing Industry, Certificate in Supply Chain Management, Lean Six Sigma Green Belt, Industry 4.0 for Manufacturing Professional, Data Driven Smart Manufacturing Specialist (Digital OEE), Industry Revolution 4.0 System Integrator, Embedded System Specialist (IIOT), Robotic For Automation, 5 Axis CNC Milling Skill Training, 7 Axis CNC Auto Lathe Skills Training, Electro Pneumatic In automation* dan *Quality Control Measuring Skills*. Kurikulum modul dibangunkan dengan kerjasama pihak industri. Tujuan kunjungan PSDC adalah untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar lepasan latihan industri PSP untuk menyertai modul-modul PSDC yang telah dirangka seterusnya akan diserapkan bekerja di syarikat yang telah mengikat kontrak dengan pihak PSDC. Menurut Encik Muhamed Ali Hajah Mydin, permintaan pasaran kerja pada waktu kini mengalami kekurangan disebabkan oleh

kekurangan penawaran pasaran buruh dalam industri. Encik Muhamed Ali Hajah Mydin menyakinkan PSP bahawa 100 peratus graduan PSDC telah pun mendapat pekerjaan selepas berkursus di PSDC. Hasil perbincangan dicapai bahawa pihak PSP akan menyediakan senarai pelajar yang terdiri daripada pelajar yang akan menghabiskan latihan industri pada bulan Disember tahun 2020 dan pihak PSP akan turut berusaha mempromosikan peluang latihan PSDC kepada graduan yang telah bergraduat pada sesi Jun 2020 yang lalu. Hasil perbincangan ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar yang bergraduat untuk mendapatkan pekerjaan. Pada akhir perbincangan, Encik Muhamed Ali Hajah Mydin menyatakan hasrat untuk mengunjungi PSP sekali lagi bagi membincangkan fasa tindakan seterusnya. Perbincangan diakhiri dengan ucapan penghargaan Pengarah PSP iaitu Sr. Harith Fadzilah Bin Abd Khalid kepada En. Muhamed Ali Hajah Mydin, Ketua Eksekutif Penang Skills Development Center (PSDC) kerana sudi memilih PSP sebagai rakan kolaborasi. Pengarah juga turut menyampaikan penghargaan kepada pegawai yang turut menjayakan perbincangan ini dan mengharapkan agar usaha ini membuahkan kejayaan.



Encik Muhamed Ali Hajah Mydin, Ketua Eksekutif Penang Skills Development Center (PSDC)



Cenderahati daripada Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik dan Ketua CISEC.